

Timur Tengah: PM yakin OIC hasilkan pendirian konkrit

Ulu- 22/4/2004, ml: 1,4

datangani tiga perjanjian meliputi peningkatan hubungan dua hala, kerjasama dalam bidang pendidikan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Abdullah dalam suratnya atas kapasiti Pengerusi NAM dan OIC kepada lima kuasa besar terbabit antaranya telah meminta supaya PBB membuat pertimbangan mengambil alih segera pentadbiran Iraq daripada tentera penceroboh, Amerika Syarikat (AS).

Lima anggota tetap berkenaan ialah Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Rusia dan China.

Perdana Menteri antara lain menekankan usaha memulih dan membangunkan semula Iraq tidak akan berjaya tanpa keamanan dan kestabilan yang hanya boleh dilakukan dengan menghentikan serta-merta pertempuran dan pembunuhan di seluruh pelosok negara itu.

Mengenai Palestin, beliau dalam surat yang berasingan turut mendesak AS menghentikan sokongan terhadap pelan pengunduran Israel yang dilihat hanya mengusutkan konflik sedia ada dan bakal menggagalkan proses damai di wilayah tersebut.

"Saya pun sudah tulis surat kepada Presiden George W. Bush dan sudah buat kenya-

taan tentang perkara ini. Alhamdulillah nampaknya ada juga perkembangan-perkembangan positif dalam perkara ini.

"Pendirian yang saya bawa itu secara ketbetulan nampaknya sama juga dengan pendirian pihak Kesatuan Eropah dan ASEAN," katanya.

Mengulas kehadiran anggota OIC pada Mesyuarat Khas Mengenai Timur Tengah, Abdullah tidak menolak kemungkinan akan ada pertambahan penyertaan esok.

"Kadang-kadang tidak dapat hadir kerana komitmen lain yang tidak dielakkan, mungkin mereka akan mengarahkan pula duta-duta yang ada di sini untuk mewakili negara masing-masing dalam perbincangan yang akan diadakan," katanya.

Malaysia mengundang sekurang-kurangnya 20 negara anggota OIC menghadiri mesyuarat tersebut dan hanya memerlukan persetujuan antara 10 hingga 12 negara untuk membolehkannya dijalankan.

Mesyuarat itu di PCC - tempat berlangsungnya Sidang Kemuncak ke-10 OIC Oktober lalu - akan membincangkan isu Palestin pada sebelah pagi dan isu Iraq pada petangnya.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, mesyuarat itu di-

jangka mengeluarkan satu deklarasi mengenai Palestin menggesa Israel menghormati undang-undang antarabangsa.

"Kami sedang menggubal deklarasi itu melalui persepakatan di kalangan negara anggota. Ia bukannya merupakan satu dokumen yang retorik," katanya.

Selain deklarasi itu, mesyuarat khas Menteri-Menteri OIC mengenai Timur Tengah itu juga akan mengeluarkan satu kenyataan mengenai Iraq, menggesa PBB memainkan peranan penting dalam membawa keamanan dan kestabilan di rantau itu.

Beliau berkata, Malaysia merasakan Pelan Damai empat pihak yang asal digunakan dan Israel tidak harus memperkenalkan pelan damai unilateralnya, katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri wawancara secara langsung rancangan *Selamat Pagi Malaysia* RTM di sini.

PBB, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Rusia telah menghasilkan Pelan Damai itu mengenai penyelesaian dua negara bagi konflik Palestin-Israel sementara Israel mengeluarkan satu pelan sendiri yang menceroboh tanah air Palestin.

"Pembunuhan politik dan satu pelan damai baru tidak akan menyumbang kepada penyelesaian isu Asia Barat," katanya.